

ANGKA GILIRAN: _____

SOALAN TERTUTUP



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JTW 208 - Ekonomi untuk Pengurusan II

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN BELAS (19)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan **Bahagian A** di atas borang OMR. **Bahagian B** jawab di atas buku jawapan yang disediakan.

Pastikan borang OMR diisi dengan lengkap [nombor angka giliran, kursus, jawapan dll]. Gunakan hanya pensel 2B bagi borang OMR anda.

Mesin kira boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Bahagian A diperuntukkan 80 markah dan Bahagian B diperuntukkan 20 markah.

Jawab SEMUA soalan.

BAHAGIAN A [80 markah]

1. Wang perlu memenuhi fungsi-fungsi berikut **KECUALI** _____.
 - A. sebagai perantara pertukaran
 - B. sebagai satu unit nilai
 - C. sebagai penyimpan nilai
 - D. Tiada jawapan.

2. Pendapatan boleh guna _____.
 - A. menurun bila cukai bersih menurun
 - B. menurun bila pendapatan menurun
 - C. meningkat bila simpanan menurun
 - D. Semua di atas.

3. Pekerja pengeluaran diberhentikan kerana tugasnya digantikan dengan robot dan beliau tidak mempunyai kemahiran untuk membantu mengendalikan robot tersebut. Hal ini dinamakan _____.
 - A. pengangguran struktural
 - B. pengangguran kitaran
 - C. pengambilan semula
 - D. meninggalkan pekerjaan

4. Kesan peningkatan teknologi adalah sama dengan kesan perdagangan antarabangsa kerana _____.
 - A. memberikan faedah kepada semua pengeluar dan pengguna
 - B. meningkatkan pendapatan agregat sesebuah negara
 - C. mengurangkan pengangguran pekerja domestik
 - D. pengguna boleh menikmati barang import

5. Semasa kemelesetan, pengangguran _____, hasil cukai _____ dan defisit belanjawan _____.
 - A. meningkat; menurun; meningkat
 - B. meningkat; meningkat; menurun
 - C. menurun; meningkat; meningkat
 - D. menurun; menurun; meningkat

6. Peningkatan kadar pengangguran menyebabkan upah nominal _____.
 - A. meningkat
 - B. tidak berubah
 - C. menurun
 - D. pengangguran tidak memberi kesan kepada kadar upah

7. Manakah antara berikut paling sukar mendapatkan pekerjaan selepas meningkatnya kadar gaji minimum?
- Pekerja muda yang mempunyai kelulusan minima.
 - Pekerja manual yang mempunyai 15 tahun pengalaman.
 - Pekerja profesional yang mempunyai ijazah.
 - B dan C.
8. Semasa tempoh inflasi yang tidak menentu _____.
- paras harga jatuh tanpa dijangka
 - Indeks Harga Pengguna jatuh
 - nilai wang berubah dengan tidak menentu
 - ekonomi tidak terjejas
9. Indeks Harga Pengguna adalah _____.
- perbandingan kos tipikal bakul barang yang digunakan dalam tempoh 1 dengan kos tipikal bakul barang yang digunakan dalam tempoh 2
 - nisbah purata harga tipikal bakul barang kepada kos bagi mengeluarkan barang tersebut
 - ukuran kenaikan harga barang yang dikira dalam Keluaran Dalam Negara Kasar
 - perbandingan kos semasa dengan kos tahun asas bagi bakul barang tipikal yang digunakan dalam tempoh tahun asas
10. Andaikan Indeks Harga Pengguna bagi tahun 2017 adalah 143.6. Apakah maksud angka ini?
- Secara purata harga meningkat 143.6 peratus berbanding tahun asas.
 - Secara purata kos satu barang adalah RM143.60 pada tahun 2015.
 - Secara purata harga meningkat sebanyak 43.6 peratus dari tahun asas.
 - Secara purata harga meningkat sebanyak 43.6 peratus berbanding tahun 2014.
11. Produktiviti meningkat sekiranya _____.
- hasil modal sejam buruh meningkat
 - tiada kemajuan teknologi
 - hasil modal sejam buruh menurun
 - KDNK benar sejam buruh menurun
12. Pasaran _____ memindahkan dana daripada orang yang mempunyai lebihan kepada orang yang kekurangan dana.
- komoditi
 - derivatif
 - kewangan
 - saham

13. Kecekapan agihan ditakrifkan sebagai _____.
- A. penggunaan kaedah pengeluaran yang mempunyai kos terendah
 - B. pengeluaran campuran barang (product-mix) yang paling dikehendaki oleh masyarakat
 - C. guna tenaga penuh semua sumber pengeluaran
 - D. paras pengeluaran pada titik di dalam keluk kemungkinan pengeluaran
14. Jika bank pusat menjual sekuriti kerajaan dengan banyak di pasaran terbuka, apakah yang akan berlaku?
- A. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank komersial akan menurun.
 - B. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank komersial akan meningkat.
 - C. Penawaran wang akan meningkat.
 - D. Kadar faedah akan menurun.
15. Asas kewangan (*monetary base*) adalah _____.
- A. jumlah matawang yang berada dalam edaran dan rizab bank komersial
 - B. jumlah matawang yang berada dalam edaran dan yang dipegang oleh bank komersial
 - C. jumlah emas dan tukaran asing yang dipegang oleh bank pusat
 - D. jumlah aset benar sektor perbankan
16. Sumber utama kawalan bank pusat terhadap penawaran wang adalah _____.
- A. hubungan antara rizab bank dengan deposit bank komersial
 - B. kos melepas pegangan wang
 - C. kuasa untuk mencetak wang
 - D. monopolii ke atas rizab emas
17. Penurunan kadar faedah akan membawa kepada _____.
- A. tiada perubahan ke atas perbelanjaan atau simpanan pengguna
 - B. pengurangan perbelanjaan pengguna dan peningkatan simpanan pengguna
 - C. pengurangan kedua-dua perbelanjaan dan simpanan pengguna
 - D. peningkatan perbelanjaan pengguna dan penurunan simpanan pengguna
18. Apabila berlakunya penurunankekayaan yang di luar jangkaan atau dalam pendapatan bukan buruh, maka hal ini akan membawa kepada _____.
- A. ketidaktentuan dalam penawaran buruh
 - B. peningkatan dalam penawaran buruh
 - C. penurunan dalam penawaran buruh
 - D. tiada kesan kepada penawaran buruh

19. Menurut Keynes, tahap pengangguran ditentukan oleh _____.
A. upah dan harga yang fleksibel
B. kadar faedah
C. harga dan upah
D. tahap permintaan agregat untuk barang dan perkhidmatan
20. Jika kadar inflasi adalah negatif, maka paras harga dalam ekonomi _____.
A. meningkat dengan pantas
B. mengalami kejatuhan
C. meningkat dengan perlahan
D. tidak berubah
21. Peningkatan kadar faedah ke atas pinjaman pelajaran *ceteris paribus* akan _____.
A. menurunkan kos pengajian
B. meningkatkan kos pengajian
C. meningkatkan kos kepada pelajar yang tidak membuat pinjaman
D. tiada kesan ke atas kos pengajian
22. Kadar faedah yang tinggi mungkin akan menyebabkan syarikat _____ pembinaan kilang baharu yang boleh memberikan banyak peluang pekerjaan.
A. melengkapkan
B. menimbangkan
C. menunda
D. meneruskan
23. Jika kerajaan ingin meningkatkan kadar guna tenaga, pembelian kerajaan perlulah _____ dan/atau cukai perlulah _____.
A. ditingkatkan; ditingkatkan
B. ditingkatkan; dikurangkan
C. dikurangkan; ditingkatkan
D. dikurangkan; dikurangkan
24. Bank adalah penting dalam bidang kajian wang dan ekonomi kerana _____.
A. menyalurkan wang daripada pelabur kepada penyimpan
B. menjadi sumber kepada inovasi kewangan
C. menyebabkan inflasi
D. satu-satunya institusi kewangan yang penting kepada ekonomi Malaysia

25. Penawaran wang M1 bersamaan _____.
A. jumlah matawang dan syiling
B. jumlah matawang dan akaun simpanan yang dimiliki oleh orang awam pada satu-satu masa
C. jumlah semua wang dalam akaun semasa
D. jumlah semua watawang dalam edaran dan rizab bank pusat.
26. Wang menggalakkan kecekapan kerana _____.
A. mengurangkan kos berkaitan pencarian rakan dagang
B. menggalakkan pengkhususan
C. mengurangkan kos mendapatkan maklumat
D. Semua di atas.
27. Kenaikan mendadak pertumbuhan penawaran wang selalunya akan diikuti oleh _____.
A. kegawatan
B. kemelesetan
C. peningkatan kadar inflasi
D. tiada apa-apa perubahan ekonomi
28. Negara yang mengalami kadar inflasi yang tinggi juga mungkin akan mengalami _____.
A. belanjawan seimbang
B. penawaran wang yang meningkat dengan cepat
C. kejatuhan penawaran wang
D. kejatuhan pasaran saham
29. Kadar penglibatan guna tenaga didefinisikan sebagai _____.
A. peratusan populasi yang berumur 16 tahun ke atas
B. nisbah bilangan tenaga buruh berbanding populasi yang berada dalam umur bekerja
C. nisbah orang yang bekerja berbanding populasi yang berada dalam umur bekerja
D. tenaga buruh orang awam dibahagikan dengan jumlah tenaga buruh
30. Pekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi biasanya akan mendapat pekerjaan dengan cepat dinamakan _____.
A. pengangguran geseran
B. pengangguran putaran
C. pengangguran bermusim
D. pengangguran struktural

31. Pekerja yang tidak mendapat pekerjaan kerana mereka kurang kemahiran yang diperlukan oleh majikan dinamakan _____.
- pengangguran geseran
 - pengangguran kitaran
 - pengangguran bermusim
 - pengangguran struktural
32. Pekerjaan yang manakah paling berkemungkinan menghadapi masalah pengangguran bermusim?
- Mekanik kereta
 - Jurujual alat elektrik
 - Juruteknik
 - Pekerja ladang
33. Kegagalan bank mungkin berlaku apabila _____.
- bank banyak memegang sekuriti kerajaan
 - bank mengalami pengeluaran deposit yang sangat banyak
 - bank mempunyai lebihan rizab
 - bank mempunyai modal yang banyak
34. Teori perdagangan manakah yang menyatakan bahawa negara akan mengeluarkan dan mengeksport barang yang menggunakan faktor pengeluaran yang mereka miliki dengan banyaknya?
- Teori faedah berbanding
 - Teori faedah mutlak
 - Teori anugerah faktor
 - Tiada jawapan
35. Apabila sesebuah negara mengalami defisit dagangan, ini bermakna negara tersebut _____.
- membeli lebih banyak saham dan bon dari negara asing berbanding yang dijualnya
 - membeli lebih banyak barang daripada negara asing berbanding dengan yang dijualnya
 - menjual lebih banyak barang ke negara asing berbanding yang dibelinya
 - menjual lebih banyak saham dan bon ke negara asing berbanding yang dibelinya
36. Guna tenaga penuh berlaku apabila _____.
- tiada pengangguran kitaran dan geseran
 - tiada orang yang tidak bekerja
 - tiada pengangguran struktural dan geseran
 - tiada pengangguran kitaran

37. Andaikan Indeks Harga Pengguna tahun 2016 adalah 124; pada 2017 nilainya adalah 130.7. Apakah kadar inflasi antara kedua tahun ini?
- 5.4 peratus
 - 6.7 peratus
 - 5.1 peratus
 - 30.7 peratus
38. Rujuk jadual yang diberikan dan jawab soalan di bawah.

		2016	2017
Item	Kuantiti	Harga	Harga
Z	4	RM5.00	RM7.50
M	2	RM3.00	RM3.00
N	4	RM1.00	RM15.00

- Maklumat yang diberikan dalam jadual memberikan 2016 sebagai tahun asas Indeks Harga Pengguna (IHP) dan harga untuk bakul barang yang digunakan untuk membentuk IHP bagi sebuah negara yang kecil. Apakah nilai IHP 2017?
- 75
 - 140
 - 100
 - 133
39. Had kapasiti jumlah pengeluaran sesebuah ekonomi pada satu-satu masa ditentukan oleh _____.
- jumlah wang dalam ekonomi
 - permintaan perniagaan terhadap barang dan perkhidmatan
 - paras perbelanjaan kerajaan dan paras cukai
 - kuantiti dan kualiti sumber produktif yang ada dalam ekonomi tersebut
40. Apabila kadar faedah meningkat, permintaan wang _____.
- meningkat kerana harga bon jatuh
 - menurun kerana orang mahukan aset yang lebih cair
 - meningkat kerana kadar pulangan pinjaman wang menjadi lebih tinggi
 - menurun kerana kos melepas memegang wang adalah lebih tinggi
41. Manakah antara berikut **BUKAN** pelaburan dalam modal insan?
- Pekerja menyambung pelajaran di PPPJJ USM untuk meningkatkan kemahiran mereka.
 - Agensi pengiklanan menggantikan juru taip dengan komputer peribadi.
 - Pihak kilang mengajar pekerja memperbaiki mesin sendiri.
 - Kerajaan memberikan suntikan vaksin kepada rakyat yang mahukannya.

42. Wang perlu disandarkan kepada _____.
- A. perak
 - B. emas
 - C. ekonomi
 - D. Tiada satu pun di atas.
43. _____ merujuk kepada orang yang terpelajar dan berkemahiran tinggi yang berhijrah dari negara miskin atau negara membangun ke negara kaya.
- A. Pelaburan langsung
 - B. Pelaburan portfolio
 - C. Pindahan harga
 - D. Penghijrahan cendiakawan (*brain drain*)
44. Definisi M2 termasuklah _____.
- A. M1
 - B. deposit simpanan
 - C. simpanan tetap
 - D. Semua di atas.
45. Perubahan persekitaran yang bergerak pantas memerlukan pekerja yang menganggur diberikan latihan kemahiran baharu untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam memenuhi permintaan pekerjaan yang ditawarkan. Keadaan ini merujuk kepada _____.
- A. pengangguran geseran
 - B. pengangguran struktural
 - C. pengangguran kitaran
 - D. pengangguran bermusim
46. Menurut ekonomi aliran Keynesian, polisi fiskal yang sesuai untuk mengawal inflasi adalah dengan cara _____.
- A. menaikkan kadar faedah
 - B. menambah subsidi
 - C. meningkatkan perbelanjaan kerajaan
 - D. meningkatkan cukai individu
47. Dalam sistem pasaran bebas, jumlah barang dan perkhidmatan yang dapat dimiliki bergantung kepada _____.
- A. upah
 - B. pendapatan
 - C. pendapatan dan kekayaan
 - D. faedah

48. Wang adalah _____.
A. dijamin oleh Bank Negara
B. sama dengan pendapatan
C. nilai semua tunai dalam edaran
D. sesuatu yang secara umumnya diterima sebagai medium pertukaran
49. M1 meningkat apabila bank pusat _____.
A. menjual sekuriti kerajaan
B. meningkatkan rizab
C. meningkatkan kadar faedah
D. membeli sekuriti kerajaan.
50. Manakah antara pernyataan berikut **TIDAK BENAR** mengenai bank pusat?
A. Bank pusat menetapkan nisbah rizab bank komersial.
B. Tindakan bank pusat boleh mengubah penawaran wang negara.
C. Bank pusat boleh mengubah asas kewangan.
D. Tiada jawapan.
51. Hutang persekutuan adalah _____.
A. sama seperti defisit persekutuan
B. jumlah hutang kerajaan persekutuan kepada orang awam
C. jumlah hutang negara asing kepada kerajaan persekutuan
D. hasil cukai tahunan persekutuan tolak perbelanjaan tahunan persekutuan
52. Ahli ekonomi mentakrifkan seseorang yang tidak bekerja sebagai _____.
A. bekerja kurang dari masa yang dikehendaki
B. tidak bekerja pada masa ini
C. bekerja tetapi masih mencari pekerjaan lain
D. tidak bekerja pada masa ini tetapi sedang aktif mencari pekerjaan
53. Jika jumlah tenaga buruh seramai 5 juta orang tetapi yang bekerja hanya 4.5 juta orang, berapakah kadar pengangguran?
A. 100%
B. 90%
C. 10%
D. 5%

54. Konsep manakah yang paling relevan bagi menerangkan sebab mengapa banyak negara miskin kekal miskin?
- A. Modal fizikal
 - B. Modal politik
 - C. Modal insan
 - D. Perubahan teknologi
55. Apabila pekerja mempunyai kelulusan yang lebih tinggi daripada pekerjaan yang mereka lakukan, ini dikenali sebagai _____.
A. menganggur
B. pekerja yang malang (*discouraged workers*)
C. tidak berada dalam tenaga buruh
D. *underemployment*
56. Pengurusan wang dan kadar faedah dinamakan polisi _____ dan dijalankan oleh _____.
A. kewangan; bank pelaburan
B. fiskal; bank komersial
C. fiskal; bank pusat
D. kewangan; bank pusat
57. Semua orang yang berada dalam umur bekerja boleh dibahagikan kepada _____.
A. sama ada *overemployed* atau *underemployed*
B. bakal pekerja
C. penglibatan tenaga buruh
D. bekerja, *underemployed* atau bukan dalam tenaga buruh
58. Dilema polisi yang dihadapi oleh bank pusat berkaitan dengan peranannya sebagai pembiutang terakhir (*lender-of-last resort*) adalah _____.
A. kemungkinan rizab habis digunakan
B. bank komersial mengurangkan rizab
C. bank pusat akan bersaing untuk memberikan pinjaman kepada isirumah dan syarikat
D. bank komersial mempunyai insentif untuk mengambil risiko yang berlebihan dalam strategi pelaburan mereka
59. Tujuan polisi fiskal adalah untuk _____.
A. memandu arah ekonomi negara
B. mengubah sikap rakyat terhadap kerajaan
C. mengajar rakyat tentang ekonomi
D. memberi pandangan bagaimana ekonomi bergerak

60. Semua berikut adalah pembolehubah yang boleh dimanipulasikan untuk memberi kesan ke atas polisi fiskal **KECUALI** _____.
- A. cukai pendapatan individu
 - B. perbelanjaan kerajaan ke atas barang dan perkhidmatan
 - C. perbelanjaan kerajaan ke atas bayaran pindahan
 - D. kadar faedah
61. Penstabil automatik _____.
- A. tidak mempunyai kesan ke atas kadar pengangguran
 - B. tidak mempunyai kesan ke atas kadar output
 - C. meningkatkan inflasi
 - D. mengurangkan magnitud pergerakan turun naik ekonomi
62. Manakah antara berikut akan menyebabkan peningkatan penawaran agregat?
- A. Harga barang import.
 - B. Kadar faedah.
 - C. Perbelanjaan pengguna.
 - D. Produktiviti buruh.
63. Apakah peristiwa utama yang telah mencabar pemikiran ekonomi klasik?
- A. Revolusi Perancis
 - B. Perang Dunia Kedua
 - C. Zaman Meleset (*the Great Depression*)
 - D. Kejutan Minyak 1970an
64. Dalam ekonomi campuran (*mixed economy*) apa yang perlu dikeluarkan dan berapa banyak kuantitinya ditentukan oleh _____.
- A. agensi perancang pusat
 - B. agensi perancang antarabangsa
 - C. pasaran dan kerajaan
 - D. firma
65. Peningkatan dalam _____ akan meningkatkan permintaan agregat.
- A. cukai
 - B. perbelanjaan kerajaan
 - C. kadar diskau
 - D. keperluan rizab

66. Dalam peraturan perbankan, bank perlu _____.
A. mengembangkan penawaran wang apabila diminta oleh bank pusat
B. menyimpan sebahagian daripada deposit pelanggan sebagai rizab
C. menginsuraskan deposit pelanggan sekiranya berlaku kerugian atau *bank run*
D. membayar cukai daripada hasil faedah
67. Apabila kadar faedah menurun, *ceteris paribus* permintaan wang _____.
A. boleh meningkat atau menurun bergantung kepada faktor lain
B. menurun
C. meningkat
D. tidak berubah
68. Jika perdagangan antarabangsa berlaku akibat faedah berbanding, apakah salah satu kesannya terhadap negara rakan dagang?
A. Ketidaksamaan dalam kalangan isirumah akan berkurangan.
B. Setiap individu dalam setiap negara akan lebih baik.
C. Purata kebijakan rakyat kedua-dua negara akan meningkat.
D. Produktiviti kedua-dua negara akan meningkat
69. Manakah antara berikut dianggap sebagai satu kebocoran daripada aliran kitaran aktiviti ekonomi?
A. Pelaburan
B. Perbelanjaan kerajaan
C. Eksport
D. Simpanan
70. Perdagangan antarabangsa berkembang pesat hasil daripada _____.
A. penurunan kos perkapalan
B. perkembangan komunikasi dan pengangkutan yang baik
C. perubahan polisi kerajaan.
D. semua di atas
71. Manakah antara berikut **BUKAN** konsep penting perdagangan?
A. Faedah mutlak
B. Faedah berbanding
C. Kos melepas
D. Tiada jawapan

72. Jika nilai matawang Malaysia jatuh dengan banyak berbanding matawang Amerika maka _____.
- A. barang Malaysia secara relatifnya lebih murah kepada pengguna Amerika
 - B. barang Malaysia secara relatifnya lebih mahal kepada pengguna Amerika
 - C. barang Amerika secara relatifnya murah kepada pengguna Malaysia
 - D. import barang Amerika akan meningkat
73. Manakah antara berikut **BUKAN** alasan untuk mengenakan sekatan perdagangan?
- A. Untuk melindungi pekerjaan domestik
 - B. Untuk menggalakkan pengeluaran domestik
 - C. Untuk mengurangkan pergantungan asing
 - D. Untuk menggalakkan import
74. Teori perdagangan manakah yang menyatakan bahawa negara boleh meningkatkan kemakmuran ekonomi dengan mengkhusus dalam pengeluaran barang yang mereka paling efisien berbanding negara lain?
- A. Teori faedah berbanding
 - B. Teori faedah mutlak
 - C. Teori anugerah faktor
 - D. Tiada jawapan
75. Manakah antara faktor berikut mempengaruhi perdagangan?
- A. Peringkat pembangunan produk
 - B. Kerajaan
 - C. Harga relatif faktor pengeluaran
 - D. Semua di atas
76. Teori perdagangan manakah yang menyatakan bahawa negara akan mengeluarkan dan mengeksport barang yang menggunakan faktor pengeluaran yang mereka miliki dengan banyaknya?
- A. Teori faedah berbanding
 - B. Teori faedah mutlak
 - C. Teori anugerah faktor
 - D. Tiada jawapan

77. Hujah berkenaan perlindungan perdagangan ke atas industri muda (*infant industry*) menyatakan _____.
- negara boleh membenarkan buruh di bawah umur bekerja
 - negara miskin boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan menggunakan tarif bagi melindungi industri baharu untuk menjadi lebih produktif.
 - Kos industri muda adalah rendah maka ia akan menghasilkan faedah bandingan
 - Teknologi industri muda adalah rendah
78. Negara membangun mendapat faedah daripada perdagangan kerana _____.
- perdagangan memberi peluang mendapatkan barang yang dikeluarkan oleh negara asing
 - perdagangan membolehkan negara membangun mengkhusus dalam pengeluaran barang yang mereka mempunyai kelebihan bandingan.
 - perdagangan membolehkan negara membangun mengeluarkan barang lebih daripada yang boleh digunakan untuk kegunaan domestik dan mengeksport lebihannya
 - Semua di atas
79. Menurut teori faedah berbanding, manakah antara berikut **BUKAN** sebab negara saling berdagang?
- Kos lebih tinggi di satu negara berbanding negara yang lain.
 - Harga lebih rendah di satu negara berbanding negara yang lain.
 - Produktiviti buruh berbeza antara negara dan industri.
 - Negara yang lebih mengeksport mempunyai kelebihan politik berbanding negara yang kurang mengeksport.
80. Apakah harga untuk mendapatkan dana dalam pasaran dana pinjaman?
- Kadar upah benar
 - Indeks Harga Pengguna
 - Kadar keuntungan
 - Kadar faedah
81. Jika pertumbuhan output lebih perlahan daripada pertumbuhan penduduk, maka taraf hidup akan _____.
- meningkat
 - menurun
 - tidak berubah
 - meningkat kemudian menurun

82. Manakah antara berikut adalah sebab utama mengapa banyak negara yang mempunyai taraf hidup yang rendah kekal dalam keadaan sebegitu?
- A. Rakyat negara tersebut biasanya membelanjakan semua sumber yang ada ke atas barang pengguna dan bukannya ke atas barang modal.
 - B. Rakyat negara tersebut biasanya membelanjakan semua sumber yang ada ke atas barang modal dan bukannya ke atas barang pengguna.
 - C. Kurangnya perlindungan hakcipta.
 - D. Kerajaan yang korup.
83. Belian bon di pasaran terbuka oleh bank pusat akan _____.
A. mengurangkan rizab sistem bank dan mengurangkan penawaran wang
B. menambahkan rizab sistem bank dan meningkatkan penawaran wang
C. menambahkan rizab sistem bank dan mengurangkan penawaran wang
D. mengurangkan rizab sistem bank dan meningkatkan penawaran wang
84. Kadar inflasi yang tidak stabil akan _____.
A. mengagihkan semula pendapatan benar daripada pemberi hutang kepada peminjam
B. mengagihkan semula pendapatan benar daripada peminjam kepada pemberi hutang
C. meningkatkan risiko peminjaman dan mengganggu perancangan kewangan jangka panjang
D. menyebabkan barang dan perkhidmatan menjadi mahal
85. Mengapa bank pusat tidak menghapuskan sepenuhnya inflasi daripada ekonomi?
A. Bank pusat tidak mampu berbuat demikian.
B. Bank pusat percaya bahawa inflasi tidak baik untuk ekonomi.
C. Bank pusat percaya bahawa kadar inflasi yang diukur lebih rendah dari yang sebenarnya.
D. Bank pusat mengakui bahawa inflasi yang berterusan membantu pasaran buruh membuat penyesuaian dengan lebih mudah.
86. Cukai progresif adalah _____.
A. titik apabila seseorang tidak lagi mendapat faedah daripada kerja tambahan
B. cukai yang menggalakkan penambahan usaha kerja
C. kenaikan cukai yang dikenakan apabila pendapatan bertambah
D. prinsip cukai yang paling inovatif

87. Menurut pandangan ekonomi klasik _____.
A. ekonomi berada dalam guna tenaga penuh dalam jangka pendek
B. kitaran perniagaan menerangkan tentang turun naik ekonomi jangka panjang
C. guna tenaga penuh berlaku dalam jangka pendek tetapi dalam jangka panjang kitaran perniagaan menjauhkan ekonomi daripada guna tenaga penuh
D. ekonomi bergerak ke arah guna tenaga penuh dalam jangka panjang
88. Manakah antara berikut boleh menyebabkan pergerakan ke dalam (*inward shift*) keluk kemungkinan pengeluaran?
A. Penurunan penggunaan sesuatu sumber.
B. Peningkatan penggunaan sesuatu sumber.
C. Peningkatan teknologi.
D. Undang-undang yang menetapkan umur bersara wajib pada 60 tahun.
89. Ahli ekonomi klasik percaya bahawa _____.
A. kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam mengawal ekonomi
B. kerajaan tidak perlu campur tangan dalam hal ekonomi
C. ekonomi dikawal oleh kerajaan
D. ahli ekonomi perlu memberi panduan kepada pemimpin kerajaan
90. Paras hutang negara biasanya diukur berdasarkan peratusannya terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar.
A. Betul
B. Salah
91. Semasa kegawatan, polisi fiskal mengembang digunakan dengan menurunkan cukai dan meningkatkan perbelanjaan kerajaan.
A. Betul
B. Salah
92. Apabila bank pusat menjual sesuatu, ia akan mengeluarkan wang yang beredar dalam ekonomi.
A. Betul
B. Salah
93. Guna tenaga penuh bermaksud tiada pengangguran kitaran.
A. Betul
B. Salah

94. Undang-undang gaji minimum menetapkan paras siling kadar upah berdasarkan upah minimum sejam bekerja.
- A. Betul
B. Salah
95. Belanjawan melambangkan hasrat yang ingin dicapai oleh sesebuah negara dan ia boleh membawa berita baik kepada sebahagian masyarakat dan berita kurang baik kepada sebahagian yang lain.
- A. Betul
B. Salah
96. Campurtangan kerajaan mampu menstabilkan ekonomi dan meningkatkan pertumbuhan negara dengan cara mengawal aktiviti bank pusat.
- A. Betul
B. Salah
97. Semasa ekonomi berkembang, pengangguran menurun dan inflasi meningkat.
- A. Betul
B. Salah
98. Inovasi adalah satu-satunya cara untuk mengurangkan pengangguran.
- A. Betul
B. Salah
99. Bank Negara Malaysia adalah sebuah badan berkanun.
- A. Betul
B. Salah
100. Bank pusat sesebuah negara tidak mempunyai hak untuk mengawalselia bank asing yang membuka cawangan di negara tersebut.
- A. Betul
B. Salah

BAHAGIAN B [20 markah]**Pengurangan kadar cukai selari pelaksanaan GST - LHDN**

KUALA LUMPUR: Pengurangan kadar cukai pendapatan yang dibentangkan dalam Bajet 2018 kelmarin, adalah selari dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) oleh kerajaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Datuk Seri Sabin Samitah, berkata pelaksanaan GST secara dasarnya akan dapat mengurangkan cukai pendapatan secara berperingkat.

Katanya, kutipan cukai tidak langsung menerusi GST sebenarnya menyumbang secara signifikan kepada hasil negara dan kutipan GST oleh kerajaan pada tahun lalu adalah sebanyak RM41 bilion.

"Sungguhpun pengurangan kadar cukai ini bertujuan meningkatkan pendapatan boleh guna DI antara RM300 dan RM1,000 bagi kumpulan pendapatan pertengahan (M40) serta menangani isu kenaikan kos sara hidup, namun ia masih akan memanfaatkan ekonomi negara dengan andaian penjimatan ini dibelanjakan semula 261,000 pembayar cukai yang terbabit," katanya.

Sabin berkata, bagi memastikan hasil kerajaan terus terpelihara, LHDN akan terus memainkan peranannya dengan aktiviti penguatkuasaan dan pendidikan cukai yang efektif.

Sumber: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/10/343422/pengurangan-kadar-cukai-selari-pelaksanaan-gst-lhdn>

Bincangkan kepentingan kutipan cukai kepada kerajaan dan rakyat serta implikasi pengurangan cukai terhadap organisasi perniagaan yang berdasarkan keuntungan.